



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

10 JULAI 2022 (AHAD)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

10 JULAI 2022 (AHAD)

HARI : AHAD
TARIKH : 10/7/2022
M/SURAT : 1



Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin dan Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Tetapkan pembelian 'bersyarat' bagi pelanggan yang mahu mendapatkan bekalan minyak masak peket bersubsidi di satu kilogram.

Itu tindakan tamak seorang peniaga kedai runcit di Parit Buntar, Perak yang cuba meraih keuntungan besar dengan menekan pelanggan yang terdesak untuk mendapatkan bahan mentah itu.

Sumber berkata, peniaga warga tempatan itu meletak syarat setiap pelanggan boleh membeli dua peket minyak masak 1kg jika membuat pembelian barang di dalam kedai itu melebihi RM50.

Menurutnya, bagi pembelian barang bernilai lebih RM100 pula, pelanggan layak membeli tiga peket minyak masak 1kg.

"Manakala bagi pembelian di atas RM300, pelanggan layak mendapatkan lima peket minyak masak 1kg. Tambahan 12 peket minyak masak 1kg diberikan bagi pembelian melebihi RM500."

"Syarat itu dibuktikan melalui tulisan pada kadbos ditemui di kedai itu oleh pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang menyerbu premis itu petang semalam," katanya.

Sementara itu, Pengarah KPDNHEP Perak, Saifullizan Kamarul Zaman berkata, sebanyak 478 pemeriksaan ke atas rantaian bekalan minyak masak peket 1kg bersubsidi dilaksanakan KPDNHEP Negeri Perak sejak 1 Julai 2021 di bawah Op ATM Fasa II (Ayam, Telur & Minyak Masak).

"Daripada jumlah pemerkasaan itu, sebanyak 11 kes diambil tindakan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 membabitkan minyak masak bersubsidi dengan nilai rampasan berjumlah RM5,405.

"Salah satu kes membabitkan pemeriksaan di sebuah premis runcit di Parit

MINYAK MASAK PEKET BERSUBSIDI 1KG

KALAU NAK ADA SYARAT!



PEGAWAI KPDNHEP melakukan pemeriksaan ke atas kedai runcit di Parit Buntar, Perak.

dan pemutihan terhadap pengilang, pemborong serta premis runcit termasuk 26 syarikat pembungkus (*rapper*) minyak masak peket bersubsidi yang beroperasi di seluruh negeri Perak.

"Pemeriksaan menumpukan tempat penyimpanan bekalan, pemprosesan pengeluaran dan pembungkusan minyak masak peket, selain mendapatkan deklarasi atau maklumat lengkap daripada pengusaha premis yang diperiksa berkaitan minyak masak," katanya.

Beliau berkata, KPDNHEP juga memberi amaran keras kepada mana-mana individu dan syarikat supaya tidak terbabit atau bersubhat melakukan aktiviti penyelewengan dan menyorok barang kawalan dan subsidi serta pengenaan syarat.

"Individu yang melakukan kesalahan itu boleh diambil tindakan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 dan jika disabitkan boleh denda tidak lebih RM1,000,000 manakala bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM3,000,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Rm 1000	- 25 pek
Rm 500	- 12 pek
Rm 300	- 5 pek
Rm 100	- 3 pek
Rm 50 +	- 2 pek
Rm 50 +	- 1 pek

SYARAT ditetapkan pemilik kedai pada pembeli yang mahu mendapatkan minyak masak peket 1kg.

Buntar yang mengenakan pembelian bersyarat kepada pembeli yang ingin membeli minyak masak peket 1kg.

Beliau berkata, 10 lagi kes membabitkan kesalahan kegagalan dalam mengemas-kini penyata stok dan deklarasi dokumen di seluruh Perak.

"Pemeriksaan membabitkan operasi pengauditan

430 kes seleweng minyak masak bersubsidi dikesan

Rugi RM4.2j dalam tempoh lima tahun

Oleh MASZUREEN HADZMAN
maszureen.hadzman@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Negara kerugian kira-kira RM4.2 juta bagi tempoh lima tahun sejak 2018 hingga 31 Mei lalu akibat penyelewengan minyak masak bersubsidi.

Kerugian ini berdasarkan nilai rampasan 430 kes penyelewengan barang bersubsidi yang masih diperlukan kerajaan seperti Gas Petroleum Cecair (LPG), petrol RON 95, diesel, tepung gandum (kegunaan am), ayam dan telur ayam.

Jumlah itu juga tidak termasuk kes-kes penyelewengan barang bersubsidi yang masih diperlukan kerajaan seperti Gas Petroleum Cecair (LPG), petrol RON 95, diesel, tepung gandum (kegunaan am), ayam dan telur ayam.

Memberitahu *Mingguan Malaysia*, Pengarah Penguat kuasa KPDNHEP, Azman Adam berkata, kes tertinggi direkodkan adalah pada tahun lalu iaitu sebanyak 188 laporan melibatkan nilai rampasan RM1.20 juta diikuti 2019 dengan 47 kes direkodkan dengan jumlah nilai rampasan RM12.86 juta.

Kata Azman, pada tahun 2018 sebanyak 62 kes direkodkan melibatkan nilai rampasan RM806,413 diikuti 2020 iaitu 79 kes melibatkan nilai rampasan RM664,856.

Bagi tahun ini pula, katanya, sehingga 31 Mei 2022, sebanyak 54 kes telah direkodkan melibatkan nilai rampasan RM254,584. "Perkara ini berlaku kerana ada pelesen sah juga melakukan



AKIBAT penyelewengan minyak masak bersubsidi, negara kerugian kira-kira RM4.2 juta hasil bagi tempoh lima tahun sejak 2018 hingga 31 Mei lalu.

aktiviti penyelewangan minyak masak bersubsidi peket satu kilogram (kg) yang dipindahkan ke dalam bekas minyak masak industri sebelum dipasarkan.

"Minyak masak bersubsidi peket satu kg tersebut telah dileraikan menggunakan mesin dan dikumpulkan di dalam tangki lain lebih besar yang bersambungan kemudiannya dipasarkan sebagai minyak masak industri," katanya di sini semalam.

Mengulas lebih lanjut, kata Azman, terdapat juga kes yang mana sindiket dipercayai membeli minyak masak bersubsidi daripada pemborong berlesen

dalam kuantiti yang banyak.

Jelas beliau, minyak masak peket 1 kg tersebut kemudiannya dipotong dan dimasukkan dalam mesin pengisar sebelum dibungkus dalam botol disyaki untuk dieksport ke luar negara.

"Banyak kes penyelewengan dan penyeludupan minyak masak bersubsidi berlaku di negeri bersempadan dengan negara jiran seperti Kelantan, Kedah, Perlis, Sabah dan Sarawak di mana jaringan sempadan yang panjang dan jarak yang berdekatan selain hubungan persaudaraan menjadi faktor mudahnya berlaku aktiviti ini," ujarnya.

40 peratus minyak masak bersubsidi diseleweng

KUANTAN: Dianggarkan daripada 60,000 tan metrik kuota minyak masak bersubsidi setiap bulan yang diperuntuk kerajaan, hanya 50 peratus atau 30,000 tan metrik dijual dipasaran tempatan.

Sebanyak 40 peratus lagi dipercayai diseleweng dengan cara diseludup ke negara luar dan dijual di pasaran gelap manakala 10 peratus lagi membottaikan minyak bersubsidi itu.

Bercakap kepada *Mingguan Malaysia*, Presiden Yayasan Peng-

guna Negara Malaysia (YPNM), Datuk Mohd. Firdaus Abdullah berkata, namun, perbuatan membotta semula minyak masak bersubsidi bukan punca utama bekalanannya berkurangan dalam pasaran pada ketika ini.

"Sindiket membottaikan minyak masak bersubsidi ini bukan besar hanya kecil-kecilan sahaja. Mereka buat demi mendapatkan keuntungan lebih sedikit."

"Sebabnya, minyak masak botol sedia ada sudah ada di pasa-

ran, tambahan lagi bukan semua orang beli minyak botol kerana boleh dikatakan majoriti rakyat kini membeli minyak masak peket.

"Yang utama dan telah berpu-
luh tahun berlaku penyelewengan
ialah 40 peratus minyak masak bersubsidi di peringkat pembekal,
ini perlu diselesaikan kerajaan,"
katanya di sini semalam.

Kelmarin, *Utusan Malaysia* me-
laporkan perbuatan membung-
kus semula minyak masak peket

subsidi dipercayai punca utama bekalanannya semakin berkurangan dalam pasaran sehingga menimbulkan kemarahan rakyat yang terhimpit dengan kos sara hidup tinggi.

Sumber dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dilaporkan berkata, sindiket mula ligat mencari keuntungan ber-
ganda, termasuk membottaikan minyak masak peket sebelum di-
jual dengan harga tanpa subsidi.

Sumber itu berkata, sindiket terbabit dipercayai melibatkan syarikat membungkus minyak masak bersubsidi selepas manipu-
lasi tuntutan daripada kerajaan.

Mengulas lanjut, Firdaus ber-
kata, minyak masak pasaran antarabangsa melebihi RM8 sekilo-
gram dan disebabkan harga tinggi itu, terdapat sindiket menjual minyak masak peket di pasaran gelap demi keuntungan berlipat kali ganda sekali gus bekalanannya berkurangan di pasaran.

Kamal Affandi
Hashim
Penganalisis jenayah

Soalan (S): Apa punca penyeludupan keluar minyak masak bersubsidi terus berleluasa?

Jawapan (J): Masalah utama dihadapi kita terbahagi tiga bahagian, iaitu dari sudut geografi fizikal, demografik dan aset operasi.

Kita mempunyai titik sempadan daratan yang poros dengan negara jiran di beberapa tempat. Selain itu, lalu-lan dagang tradisional melalui air juga menawarkan risiko serupa, bermakna kerajaan perlu berusaha mengawal sempadan dengan lebuh baik.

Ia bukan sekadar memastikan sempadan negara dipertahankan daripada ancaman anasir jahat, tetapi boleh memperbaiki kelemahan bagi maksud mengekang penyeludupan.

Dari sudut demografik, migrasi adalah realiti sosial. Sama ada bagi tujuan ekonomi atau ikatan keluarga, pergerakan rentas sempadan ini membuka 'pintu' tersendiri di dalam jangkauan atau menggalakkan penyeludupan barang bersubsidi.

Sebab itu kita dapat lihat bagaimana minyak berpaket disembunyikan di dalam peralatan elektrik atau dalam beg pakaian untuk dihantar ke negara asal warga asing yang berada di Malaysia yang mana barang serupa mempunyai harga tinggi di negara mereka.

Dari sudut aset operasi, kita tidak mempunyai daya saing sempurna, peralatan yang digunakan sewajarnya lebih konsisten dengan perkembangan teknologi.

Jika penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dapat dibekalkan dengan aset ber teknologi LiDAR (Pemantauan dan Pengesan Cahaya) atau LoRA WAN (teknologi komunikasi), ini akan bantu mereka kumpul maklumat dan risikan dengan lebih berkesan.

Begitu juga aset mobilitas, yang mana kenderaan digunakan sama ada bagi penguatkuasaan darat atau laluan air adalah aset konvensional.


S: Dalam rantai pembekalan minyak masak bersubsidi, pihak mana paling dekat dengan kegiatan penyeludupan bekalan bahan itu?

J: Mari kita lihat satu antara model asas amalan diguna pakai bagi kebanyakan negara. Pertama adalah kilang penghasilan minyak yang mana kuota bekalan tempatan ditetapkan, manakala untuk bekalan eksport pula

Perkasa agensi penguat kuasa, buru dalang ketirisan hasil negara

Ketika rakyat mengeluh pembelian minyak masak bersubsidi dalam paket satu kilogram dihadkan, tular pula di media sosial rakaman klip video menunjukkan barang keperluan asas itu dengan cap dagangan keluaran Malaysia mudah diperoleh di pekan negara jiran. Pastinya ia diseludup keluar dan kegiatan itu bukan perkara baru. Apa lagi perlu dibuat untuk memastikan penyeludupan tidak terus berlaku?

Oleh Rohaniza Idris dan Muhammed Yusri Muzamir
bhrencana@bh.com.my



kuota bekalananya adalah terburuk.

Kedua, pembekalan diberi lesen pembungkusan, ini hierarki tertinggi di dalam rantai. Mereka tidak perlu membentol untuk menyeludup kerana boleh dilakukan dengan cara lain.

Kemudian kita mempunyai nenggar *vng bertanggungnye*, jawab membawa minyak masak dalam paket bersubsidi ini kepada pemborong. Ini juga direkodkan dan bukan mudah untuk dimanipulasi.

Rantai seterusnya berpindah kepada peruncit dan selepas itu pengguna. Kebanyakan yang dapat kita

lihat, minyak masak bersubsidi yang cuba diseludup membabitkan paket siap berbungkus.

Maka adalah selamat untuk membuat anggapan ketirisan lebih dominan di sini, dibantu pula oleh penyedia logistik yang cadas dalam tanggungjawab kenegaraan mereka.

S: Sejauh mana kewajaran konsep 'rakyat sebagai mata dan telinga kerajaan' dalam mengatasi penyeludupan minyak masak atau ketirisan?

J: Adalah mudah untuk merangka apa-apa slogan, tetapi

untuk merealisasikannya tidak semudah di atas kertas. Kesangsian masyarakat untuk menyalur maklumat yang mempunyai nilai lebih tinggi adalah satu realiti.

Kecuali dalam hal harga barang atau antisoros, penyeludupan adalah satu pentas bahaya. Kesilapan sedikit boleh menyebabkan wewata pemberi maklumat terancam, maka sebab itu ia tidak mudah diterjemah.

S: Kemungkinan sindiket penyeludupan dilindungi pihak berkuaasa memandangkan isu terbitan sudah berlarutan sangat lama?

J: Tidak ada satu pun pihak berkuaasa di Malaysia mahu melindungi kegiatan negatif, yang ada ialah segelintir pegawai dalam pasukan penguat kuasa yang menjalangguna kuasa dan kedudukan mereka. Ini yang perlu kita fokuskan.

S: Wajarkah fungsi pasukan petugas khas, National Task Force (NTF) yang ditugaskan mengawal sempadan negara ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), diperluas bagi memantau penyeludupan minyak masak ke negara jiran?

J: Sama ada diwujudkan atau tidak, menerusi pengalaman saya, kerjasama antara agensi kerajaan ini memang sedia

terjalin. Pertukaran maklumat, perbincangan semasa dan perkongsian risikan adalah sebagian daripadanya.

Yang perlu kita perhati ialah adalah masalah kuasa bertindih yang menyebabkan kekeliruan dan juga perakanan kita untuk mengenal pasti pegawai berkaliber sedang berkhidmat ketika ini bagi mengisi keperluan jawatan itu di masa hadapan.

S: Wajarkah pemprosesan dan agihan bekalan minyak masak bersubsidi dipusatkan kepada satu pihak sahaja bagi elak ketirisan?

J: Kita harus tuntas dalam melihat isu semasa. Jika yang diseludup majoriti minyak masak berpaket bersubsidi, proses ini harus ditangani dahulu. Kita pecahkan kepada bagaimana ia berlaku, di kawasan mania ia tertumpu, siapa dalam logistik itu sebelum memikirkan tindakan lebih holistik.

S: Apa penyelesaian terbaik bagi mengatasi penyeludupan minyak masak dan ketirisan bekalan?

J: Banyak pihak mendapat manfaat dengan pembabitan mereka dalam aktiviti penyeludupan. Bagi menyelesaikan masalah secara sistematis, 'post-mortem' kepada keberadaan itu yang perlu dilakukan dengan kadar segera.



“ Kita harus tuntas dalam melihat isu semasa. Jika yang diseludup majoriti minyak masak berpaket bersubsidi, proses ini harus ditangani dahulu **”**

Banteras salah guna subsidi, pantau e-dagang, media sosial

Mohd Yusof Abdul Rahman

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA)

Soalan (S): Kerajaan berusaha tingkatkan pemantauan, penguatkuasaan di sempadan negara untuk kekang penyeludupan keluar minyak masak bersubsidi. Apa lagi boleh dilakukan?

Jawapan (J): Pada peringkat persatuan pengguna, tidak banyak boleh dilakukan. Kita boleh bantu menyalurkan aduan pengguna kepada pihak berkuasa, tetapi untuk turun padang membuat penyiasatan di lapangan adalah sukar kerana kekangan kewangan dan tenaga kerja. Bagaimanapun, FOMCA tetap terbabit dan memberi input membantu kerajaan mengatasi kekurangan bekalan serta isu keselamatan makanan.

S: Apa menyebabkan ketirisan subsidi dan penyeludupan keluar minyak masak paket ini?

J: Ini kerana kerajaan kawal harga minyak masak paket, ia ditetapkan pada RM2.50 sedangkan harga di luar mencceca RM10 sekilogram. Perbezaan ini sangat besar dan kegiatan penyeludupan mudah kerana ada banyak laluan tikus. Peluang menyeludup itu mudah, bukan hanya minyak masak, tetapi juga barang bersubsidi lain seperti tepung.

Perkara ini sudah lama berlaku dan saya fikir kerajaan perlu meningkatkan penguatkuasaan. Saya memuji usaha menubuhkan jawatankuasa khas menangani penyeludupan, termasuk menggerakkan polis dan tentara ke sempadan mengesahkan penyeludupan minyak masak ini.

Ia usaha yang baik dan kita harap bukan tindakan bermusim, sebaliknya perlu dilakukan lebih kerap kerana isu penyeludupan ini menyebabkan kerugian terlalu besar kepada negara. Usaha ini perlu dilakukan dengan cekap.

S: Ada cadangan subsidi minyak masak berpaket ditarik balik kerana ia membuka ruang berlaku ketirisan, salah guna subsidi dan pertambahan penyeludupan. Wajarkan cadangan itu?

J: Subsidi masih perlu dikekalkan kerana mengambil kira kesesuaian rakyat akan kenaikan harga barang kesan perubahan ekonomi global. Diakui ketirisan ini satu cabaran besar kepada kerajaan, tapi jika subsidi ditarik, ia akan memberi kesan besar kepada rakyat dan kadar inflasi meningkat.

Subsidi adalah mekanisme untuk memastikan kadar inflasi terkawal dan rakyat tidak terbeban dengan kekangan harga barang kesan krisis ekonomi global dan konflik geopolitik akibat pererangan. Maka, ia perlu diteruskan namun perlu ada usaha membanteras ketirisan dan penyeludupan kerana salah guna subsidi dan ketirisan ini satu kerugian besar kepada negara.

Dari segi bekalan, kuota minyak masak berpaket sememangnya mencukupi untuk keperluan isi rumah di negara kita, bermaksud untuk kegunaan domestik, bukan untuk perniagaan termasuk peniaga kecil, penjaja dan gerai tepi jalan menjual pisang goreng atau nasi lemak.

Namun, ramai peniaga kecil, penjaja guna minyak paket ini dan kerajaan berikelonggaran kerana tidak mahu harga makanan meningkat. Saya percaya, isu kekurangan bekalan minyak masak paket sebenarnya ada kaitan dengan ketirisan dan penyeludupan di sempadan.

Ada laporan di sempadan negara seperti di Thailand, minyak paket 1 kilogram (kg) dijual lebih rendah berbanding pasaran di negara itu untuk kaut keuntungan. Difahamkan tiada masalah kekurangan bekalan di sana.

Kerajaan juga melantik syarikat bagi pembungkusan semula minyak masak paket ini, yang mana mereka mendapat bekalan minyak banyak

untuk dibungkus semula. Mungkin berlaku ketirisan dengan membotolkan minyak masak bersubsidi untuk dijual pada harga tanpa subsidi, kemudian menuntut subsidi daripada kerajaan.

S: Apa pandangan terhadap syor kerajaan beri bantuan tunai secara bersasar berbanding subsidi?

J: Saya fikir bantuan secara tunai tidak praktikal kerana kita tidak tahu sama ada mereka yang mendapat subsidi benar-benar guna wang itu untuk beli barang keperluan asas. Kita bimbang wang itu disalah guna untuk tujuan lain.

Lebih baik subsidi untuk B40 dalam bentuk kupon beli barang keperluan, kupon melalui MyKad contohnya mudah untuk kerajaan pantau dan mengesahkan penggunaan serta memastikan peruntukan tepat disalurkan kepada kumpulan berkenaan.

Ini kerana pada masa sama, ada dalam kalangan penerima bantuan ini juga mendapat bantuan daripada organisasi lain seperti pusat zakat. Justeru perlu ada pelarasaran dari segi bantuan supaya lebih adil dan tepat kepada golongan sasaran.

Tumpuan juga perlu diberikan kepada golongan M40. Adalah dalam kalangan kumpulan ini terutama tinggal di bandar besar juga memerlukan bantuan kerana mereka turut terkesan dengan kekangan harga barang. Mungkin mereka ini sebenarnya ada yang masuk ke dalam senarai B40.

Mereka agak terbeban kerana tidak mendapat bantuan kewangan, maka subsidi terbuka untuk harga barang keperluan seperti minyak masak dan tepung sangat membantu kumpulan ini. Usaha hadkan bantuan hanya

dapat membantu satu kumpulan, manakala kumpulan lain akan terpinggir. Ini perlukan formula tepat supaya dapat beri keadilan kepada semua rakyat.

S: Ada pihak salahkan peniaga, restoran salah guna subsidi barang keperluan dan minyak masak?

J: Saya lihat salah guna subsidi ini juga berlaku di peringkat pembekal dan pemborong, bukan hanya di peringkat runcit. Di peringkat runcit, banyak kes mereka kenakan syarat dan hadkan jumlah pembelian minyak masak paket.

Kerajaan perlu lihat rantai bekalan bagi mengesahkan penyelewengan sebagai mana yang pernah dilaksanakan dulu. Langkah mengesahkan pergerakan ini juga dapat memastikan bekalan mencukupi dan jika ada masalah, ia dapat diatasi.

S: Adakah aktiviti jual beli barang bersubsidi di platform e-dagang perlu dipantau?

J: Sekarang masa sesuai untuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tubuh pasukan khas pantau e-dagang, media sosial untuk dapat maklumat mengenai penyelewengan dan salah guna subsidi barang keperluan ini.

Diakui apa yang disiarkan dalam media sosial, kadang-kala tidak tepat, namun ia boleh jadi instrumen mendapatkan maklumat. Kita faham ada ramai orang bising di media sosial, namun enggan beri maklumat tepat dan tidak buat aduan rasmi.

Seolahnya maklumat yang diberikan perlu tepat, ada nama kedai dan lokasi premis. Dengan maklumat tepat ini, penguat kuasa

Isu
kenaikan harga dan bekalan makanan adalah isu global, bukan hanya di Malaysia, jadi penyeludupan keluar barang bersubsidi ke negara jiran terus berlaku kerana harga ditawarkan lebih murah berbanding di negara berkenaan



dapat memantau dan kumpul maklumat sebelum tindakan dapat diambil.

S: Bagaimana mahu atasi isu ketirisan subsidi, penyelewengan atau penyeludupan barang bersubsidi?

J: Kita tahu isu minyak masak ini akan berulang, begitu juga barang keperluan asas lain seperti tepung dan gula. Perlu tindakan menyeluruh di peringkat kerajaan, bukan hanya satu dua kementerian sahaja untuk atasi isu ini.

Isu kenaikan harga dan bekalan makanan adalah isu global, bukan hanya di Malaysia, jadi penyeludupan keluar barang bersubsidi ke negara jiran terus berlaku kerana harga ditawarkan lebih murah berbanding di negara berkenaan.

Pada masa sama, pengguna perlu amal sikap berhemah dan salurkan maklumat kepada pihak berkuasa bagi membanteras penyelewengan serta penyalahgunaan serta ketirisan subsidi.



Aktiviti penyeludupan menyebabkan kerugian terlalu besar kepada negara.
(Foto: hiasan)

BH kekal relevan berdepan saingan media baharu

Akhbar terus diyakini salur berita berinformasi bagi Keluarga Malaysia

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kedudukan yang kukuh dalam industri media tanah air wajar menjadikan akhbar Berita Harian (BH) sebagai antara sumber rujukan utama dengan fakta yang boleh dipercayai.

Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Persaingan (MyCC), Iskandar Ismail, yakin BH akan kekal relevan seiring peredaran masa dalam menyampaikan maklumat tepat dan terkininya kepada pelbagai lapisan masyarakat, walaupun berdepan saingan daripada media baharu.

“Sebagai agensi yang mengutamakan ketelitian, MyCC melihat BH berada di landasan yang betul untuk terus memaparkan laporan yang bukan sahaja menarik tetapi juga seimbang dan berinformasi kepada Keluarga Malaysia.”

*Iskandar Ismail,
Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Persaingan (MyCC)*

“Sebagai agensi yang mengutamakan ketelitian, MyCC melihat BH berada di landasan yang betul untuk terus memaparkan laporan yang bukan sahaja menarik tetapi juga seimbang dan berinformasi kepada Keluarga Malaysia.

“Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan tahniah kepada BH sempena ulang tahun ke-65.

“Bagi pihak MyCC, saya berdoa BH terus berjaya dan maju serta menjadi rujukan utama media dalam kalangan rakyat.

“BH memiliki barisan pengarang, wartawan dan jurugambar yang bagus serta berpengalaman.

“Semua ini asset berharga yang mampu membawa BH terus maju pada masa hadapan,” katanya.

BH menyambut ulang tahun ke-65 pada 1 Julai lalu sejak edisi pertamanya dilancarkan pada 1957, dua bulan sebelum kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

BH membantu memenuhi keperluan ketika era



nasionalisme dan pengisian kemerdekaan, seterusnya berperanan dalam pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat.

Iskandar juga berharap MyCC dapat terus menjalinkan kerjasama baik bersama BH dalam menyuarakan pelbagai maklumat terkini bagi mengisi keperluan semasa.

Sementara itu, Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Abdul Halim Husin, berharap BH terus menerajui perkembangan media arus perdana di negara ini.

“Kita saling melengkapi dan memerlukan antara satu sama lain.

“DPMM mendoakan semoga BH terus menjadi media yang disanjungi dan dihormati,” katanya.

*Abdul Halim Husin,
Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM)*

“Berharap BH terus menerajui perkembangan media arus perdana di negara ini. Kita saling melengkapi dan memerlukan antara satu sama lain. DPMM mendoakan semoga BH terus menjadi media yang disanjungi dan dihormati.”

*Abdul Halim Husin,
Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM)*